

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL 2023

Tiada Senikngq

DISEDIAKAN OLEH:

SUFFINA LONG
NOOR EMMA SHAMSUDDIN
PROF. MADYA DR TANG HOWE ENG
YAHUTAZI CHIK

26 APRIL - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

PERSATUAN
MELANAU
MUKAH
(PMM)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah

Pusat Penyelidikan Melanau (PPM)
Melanau Research Centre

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL MUKAH 2023

DISEDIAKAN OLEH

SUFFINA LONG
NOOR EMMA SHAMSUDDIN
PM DR TANG HOWE ENG
YAHUTAZI CHIK

UNIT PENYELIDIKAN,
PUSAT PENYELIDIKAN MELANAU,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN SARAWAK, KAMPUS MUKAH

MEI 2023

KANDUNGAN

Pengenalan	3
Taburan Jantina bagi Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023.....	5
Taburan Umur bagi Pengunjung Pesta Kaul 2023	6
Taburan Kaum bagi Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023	7
Taburan Status Pendidikan bagi Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023	8
Taburan Status Pekerjaan bagi Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023	9
Taburan Pendapatan Bulanan bagi Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023	11
Taburan Status Perkahwinan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023.....	13
Taburan Peranan Pengunjung di Pesta Kaul Mukah 2023	15
Penilaian terhadap perkhidmatan dan kemudahan Pesta Kaul Mukah 2023 merentasi bangsa	17
Penilaian perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023 merentasi status perkahwinan	18
Impak keseluruhan Pesta Kaul Mukah 2023 merentasi bangsa.....	19
Impak keseluruhan Pesta Kaul Mukah 2023 merentasi status perkahwinan	20
Taburan bilangan pengunjung mengikut lokasi.....	21
Taburan jenis pengangkutan utama ke Mukah/Pesta Kaul Mukah 2023 ...	22
Taburan tempat tinggal sempena Pesta Kaul Mukah 2023	23
Bilangan hari tinggal sempena Pesta Kaul Mukah 2023	25
Jumlah perbelanjaan untuk penginapan sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023.....	26
Taburan gerai paling digemari sempena Pesta Kaul Mukah 2023.....	27
Aktiviti/acara pengisian Pesta Kaul Mukah 2023 yang paling digemari ...	28
Masalah mendesak semasa Pesta Kaul Mukah 2023.....	29
Cadangan meningkatkan kualiti Pesta Kaul Mukah 2023.....	30
Impak terpenting Pesta Kaul Mukah 2023.....	31
Anggaran keuntungan harian penjual/peniaga gerai semasa Pesta Kaul Mukah 2023.....	32
Anggaran kerugian harian penjual/peniaga gerai semasa Pesta Kaul Mukah 2023.....	33
Sebab utama kerugian kepada hasil jualan	34
Hebahan Pesta Kaul Mukah 2023	35
Gambar-gambar semasa Pesta Kaul Mukah 2023.....	36

PENGENALAN

Pesta Kaul Mukah 2023 telah diadakan pada 26 April 2023 (Rabu) sehingga 1 Mei 2023 (Isnin) bertempat di Taman Kala Dana, Mukah. Pesta Kaul yang diraikan oleh masyarakat kaum Melanau menandakan telah berakhirnya musim tengkujuh dan juga permulaan kalendar yang dikenali sebagai bulan Pengejin, iaitu pada sekitar bulan Mac dan April pada setiap tahun. Unikunya Pesta Kaul pada zaman dahulu diadakan untuk memohon restu dari penjaga laut, darat, ladang dan hutan supaya mereka tidak terganggu ketika mencari rezeki dan pada masa sekarang, Pesta Kaul diraikan oleh seluruh komuniti Melanau khasnya dengan tidak mengira usia atau agama sebagai salah satu acara keramaian di Mukah. Pesta Kaul ini mampu mengundang ramai pengunjung bukan sahaja dari sekitar Kawasan Mukah, malah dari seluruh pelusuk negeri Sarawak. Ini telah menjadikan Pesta Kaul sebagai salah satu aktiviti wajib di dalam kalendar pelancongan tahunan di Negeri Sarawak.

Pesta Kaul merupakan satu daripada keunikan warisan dan kebudayaan masyarakat Melanau di Sarawak. Ia merupakan pesta keramaian yang diadakan secara tahunan sejak dahulu lagi yang pada asalnya merupakan pesta keagamaan bagi masyarakat Melanau "Pagan". Pesta keramaian yang kebiasaannya diadakan pada bulan April saban tahun di Pantai Kala Dana Mukah ini bagaimanapun terkesan sehingga tidak dapat dilaksanakan selama dua tahun akibat pandemik Covid 19 dan hanya dapat dianjurkan kembali secara besar-besaran pada tahun 2023 dan telah berlangsung dari 26 April 2023 hingga 1 Mei 2023.

Di antara pengisian pesta keramaian ini adalah pameran khazanah budaya kaum Melanau melalui gerai komuniti yang merangkumi pameran pakaian tradisional Melanau, barangan kraftangan, pesta makanan yang dikenali sebagai 'Keman Kaul', permainan tradisional seperti Pertandingan Tibow, 'Bidar Lukut,' dan juga persembahan tarian serta pertandingan ratu cantik Melanau yang dikenali sebagai 'Teluwaih Jinih'. Turut diadakan adalah bengkel penyediaan 'Serahang Kakan,' iaitu sejenis anyaman tradisional masyarakat Melanau khusus untuk Pesta Kaul.

Pesta Kaul Mukah 2023 disempurnakan perasmianya oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Ekonomi Dato Hanifah Hajar Taib, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan UKAS) Datuk Abdullah Saidol, Timbalan Menteri Integriti dan Ombudsman Datuk Dr Juanda Jaya, Presiden Persekutuan Persatuan Melanau Sarawak dan Pengerusi Pesta Kaul Mukah 2023 Tan Sri Muhammad Leo Toyad, Abdul Yakub Arbi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balingian dan Royston Valentine Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian.

Melihat kepada keunikan Pesta Kaul 2023, pihak Unit Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menjalankan satu tinjauan kepada pengunjung, peniaga dan pempamer bermula 28 April sehingga 30 April 2023 dengan menggunakan medium *Google Form* melalui kod QR yang dicetak dengan dibantu oleh Pembantu Penyelidik yang terdiri

daripada pelajar-pelajar peringkat diploma dari Universiti Teknologi MARA Kampus Mukah. Kod QR ini disebarluaskan melalui medium komunikasi sosial seperti *WhatsApp* untuk memudahkan pengunjung mendapatkan pautan serta memberikan maklum balas. Capaian kepada tinjauan melalui *Google Form* ini bagaimanapun telah dipanjangkan sehingga 2 Mei 2023 iaitu setelah Pesta Kaul Mukah 2023 tamat secara rasmi untuk memberi peluang kepada pengunjung-pengunjung, pempamer dan para peniaga yang tidak berkesempatan untuk mengisi dan memberikan maklum balas.

Melalui perkiraan berdasarkan jumlah pengunjung yang hadir bagi setiap acara, pameran, gerai dan kiraan kasar jumlah kereta didarab dengan minima 5 penumpang, anggaran pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 untuk tiga hari utama adalah seramai 10000 pengunjung. Manakala, seramai 313 responden yang bersetuju untuk mengisi survey tersebut. Kekangan yang dihadapi oleh Pembantu Penyelidik adalah untuk mendapatkan maklumbalas dari golongan veteran yang berusia lebih daripada 70 tahun dan ke atas.


TABURAN JANTINA BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Merujuk kepada Jadual 1 dan Rajah 1, daripada sejumlah 313 responden, 51.8% (162 orang) adalah pengunjung perempuan manakala 48.2% (151) adalah pengunjung lelaki.

Jadual 1: Taburan Jantina untuk Pesta Kaul Mukah 2023

Jantina	Pengunjung
Lelaki	151 (51.8%)
Perempuan	162 (48.2%)

Rajah 1: Carta Pai Jantina untuk Pesta Kaul Mukah 2023



TABURAN UMUR BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL


2023

Daripada sejumlah 313 responden, sejumlah 100 orang (31.9%) pengunjung adalah dalam lingkungan usia 11 – 20 tahun, 83 orang (26.5%) pengunjung adalah dalam lingkungan usia 21 – 30 tahun, 55 orang (17.6%) pengunjung adalah dalam lingkungan usia 31 – 40 tahun, 43 orang (13.7%) pengunjung berusia dalam lingkungan 41 – 50 tahun, 18 orang (5.8%) pengunjung berusia dalam lingkungan 51 – 60 tahun dan 14 orang (4.5%) pengunjung dalam lingkungan usia 61 – 70 tahun. Tiada maklum balas daripada responden yang berusia lebih daripada 71 tahun dan ke atas.

Jadual 2: Taburan Umur Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Lingkungan Usia (Tahun)	Jumlah Pengunjung
11 – 20	100
21 – 30	83
31 – 40	55
41 – 50	43
51 – 60	18
61 – 70	14

Rajah 2: Carta Pai Umur Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023




TABURAN KAUM BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Daripada sejumlah 313 responden, majoriti penunjang Pesta Kaul Mukah 2023 adalah terdiri daripada kaum Melanau iaitu seramai 167 orang bersamaan dengan 53.4%. Seramai 85 (27.2%) pengunjung adalah berbangsa Melayu, 28 orang (8.9%) kaum Iban, kaum Cina dan Bidayuh 10 orang setiapnya yang bersamaan dengan 3.2%. Lain-lain kaum seperti Kenyah seramai 9 orang (2.9%), Kayan 3 orang (1%) dan Kedayan seorang (0.3%).

Jadual 3: Taburan Kaum Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Kaum	Jumlah Pengunjung	Peratusan (%)
Melanau	167	53.4
Melayu	85	27.2
Cina	28	3.2
Iban	10	8.9
Bidayuh	10	3.2
Kenyah	9	2.9
Kayan	3	1
Kedayan	1	0.3

Rajah 3: Taburan Kaum Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023




TABURAN STATUS PENDIDIKAN BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Merujuk kepada Jadual 4 dan Rajah 4, daripada sejumlah 313 responden, lebih daripada setengah responden, 52.4% (164 orang) merupakan lulusan pendidikan peringkat sekolah menengah. Seramai 80 (25.6%) orang pengunjung merupakan lulusan peringkat diploma, 11.8% (37 orang) lulusan peringkat sarjana muda, 3.2% (10 orang) lulusan peringkat sarjana, 2 orang (0.6%) dan seorang (0.3%) masing-masing lulusan peringkat doktor falsafah dan professional.

Jadual 4: Taburan Status Pendidikan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Status Pendidikan	Jumlah Pengunjung	Peratusan (%)
Sekolah Menengah	164	52.4
Diploma	80	25.6
Sarjana Muda	37	11.8
Sarjana	10	3.2
Doktor Falsafah	2	0.6
Professional	1	0.3

Rajah 4: Taburan Status Pendidikan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023



TABURAN STATUS PEKERJAAN BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan 313 orang responden Pesta Kaul Mukah 2023, seramai 20.8% terdiri daripada pengunjung yang bekerja dalam sektor swasta, 18.8% merupakan pengunjung yang bekerja dalam sektor kerajaan, diikuti oleh pelajar sekolah dan pelajar institut pengajian tinggi iaitu masing-masing 15.7% dan 12.1%. Seterusnya merupakan pengunjung yang bekerja sendiri dan juga yang mempunyai perniagaan sendiri iaitu 10.5% dan 8%.


Jadual 5: Taburan Status Pekerjaan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Pekerjaan	Jumlah	Peratusan (%)
Pelajar sekolah	49	15.7
Pelajar IPT	38	12.1
Bekerja dalam sektor kerajaan	59	18.8
Bekerja dalam sektor swasta	65	20.8
Bekerja sendiri	33	10.5
Perniagaan persendirian	25	8
Pesara	13	4.2
Tidak bekerja	26	8.3
Lain-lain pekerjaan	5	1.5

Rajah 5: Taburan Pekerjaan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023



PEKERJAAN PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023




TABURAN PENDAPATAN BULANAN BAGI PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Merujuk kepada Jadual 6 dan Rajah 6, daripada 313 responden, gaji bulanan bagi kebanyakan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 adalah pengunjung yang tidak mempunyai pendapatan (28.4%). Ini adalah kerana, responden ini adalah terdiri daripada golongan yang tidak bekerja dan juga pelajar sekolah serta pelajar institut pengajian tinggi. Seramai 39 responden (12.5%) mempunyai pendapatan yang kurang dari RM1000 iaitu kurang dari gaji minimum yang telah ditetapkan. 96 orang responden (30.7%) mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM1001 – RM2000. 40 orang responden berpendapatan bulanan RM2001 – RM3000, 20 orang responden berpendapatan bulanan dalam lingkungan RM3001 – RM4000, manakala 10 orang responden (3.2%) berpendapatan bulanan RM4001 – RM5000. Selebihnya, iaitu seramai 19 orang responden berpendapatan lebih daripada RM5001 sebulan.

Jadual 6: Taburan Pendapatan Bulanan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Pendapatan	Jumlah	Peratusan (%)
Tiada Pendapatan	89	28.4
Kurang dari RM1000	39	12.5
RM1001 - RM2000	96	30.7
RM2001 - RM3000	40	12.8
RM3001 - RM4000	20	6.4
RM4001 - RM5000	10	3.2
RM5001 - RM6000	9	2.9
RM6001 - RM7000	6	1.9
RM7001 – RM8000	3	1
Lebih dari RM8001	1	0.3

Rajah 6: Taburan Pendapatan Bulanan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023.




TABURAN STATUS PERKAHWINAN PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan sejumlah 313 responden, status perkahwinan kebanyakan pengunjung adalah berstatus bujang iaitu 59.1%. Ini kerana, responden teramai adalah dari golongan pelajar sekolah dan pelajar IPT. 36.7% responden adalah terdiri dari pengunjung yang sudah berkahwin dan selebihnya adalah berstatus bercerai, duda/balu dan juga berpisah.

Jadual 7: Taburan Status Perkahwinan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023

Status Perkahwinan	Jumlah	Peratusan (%)
Bujang	185	59.1
Berkahwin	115	36.7
Bercerai	4	1.3
Duda/Balu	8	2.6
Berpisah	1	0.3

Rajah 7: Taburan Status Perkahwinan Pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023




TABURAN PERANAN PENGUNJUNG DI PESTA KAUL MUKAH 2023

Dari sejumlah 313 responden kajian ini, peratusan terbanyak iaitu 90.1% (292 orang) merupakan terdiri daripada pegunjung atau pelancong yang datang untuk memeriahkan Pesta Kaul Mukah 2023. 6% (19 orang) merupakan terdiri daripada peniaga atau penjaja yang menjalankan perniagaan di Tapak Pesta Kaul. Selebihnya, responden adalah terdiri daripada peserta pameran komuniti, peserta pameran sektor kerajaan dan akhir sekali peserta pameran sektor korporat yang masing-masingnya mempunyai peratusan sebanyak 1.9% (6 orang), 1.6% (5 orang) dan 0.3 % (1 orang).

Jadual 8: Taburan Peranan Pengunjung di Tapak Pesta Kaul 2023

Peranan	Jumlah	Peratusan
Pengunjung/Pelancong	282	90.1
Peniaga/Penjaja	19	6.0
Peserta pameran sektor korporat	1	0.3
Peserta pameran sektor kerajaan	5	1.6
Peserta pameran komuniti	6	1.9

Rajah 8: Taburan Peranan Pengunjung di Tapak Pesta Kaul 2023



PENILAIAN TERHADAP PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PESTA KAUL MUKAH 2023 MERENTASI BANGSA

Merujuk kepada Jadual 10, tidak terdapat perbezaan signifikan ($p > 0.05$) min penilaian perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023 merentasi bangsa yang berlainan. Untuk penilaian terhadap perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023, pilihan 1 bermakna sangat tidak memuaskan, pilihan 2 bermakna tidak memuaskan, pilihan 3 bermakna neutral, pilihan 4 bermakna memuaskan dan pilihan 5 bermakna sangat memuaskan.

Dengan merujuk kepada Jadual 9, didapati min penilaian perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023 bagi responden-responden Melanau, Melayu, Iban, Cina, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kedayan masing-masing adalah 3.82, 3.98, 3.80, 4.04, 4.34, 4.57, 3.92, 4.00.

Jadual 9: Descriptives

mean_kmudahan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Melanau	167	3.82	.88136	.06820	3.6890	3.9583	1.88	5.00
Melayu	85	3.98	.67457	.07317	3.8324	4.1234	2.13	5.00
Iban	28	3.80	1.05268	.19894	3.3954	4.2118	1.50	5.00
Cina	10	4.04	.76388	.24156	3.4911	4.5839	3.13	5.00
Bidayuh	10	4.34	.60967	.19280	3.9014	4.7736	3.38	5.00
Kenyah	9	4.57	.67924	.22641	4.0473	5.0916	2.88	5.00
Kayan	3	3.92	.50518	.29167	2.6617	5.1716	3.38	4.38
Kedayan	1	4.00	.	.	.	.	4.00	4.00
Total	313	3.91	.83543	.04722	3.8170	4.0028	1.50	5.00

Jadual 10: ANOVA

mean_kmudahan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	7.866	7	1.124	1.633	.126
Within Groups	209.891	305	.688		
Total	217.757	312			

PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KAUL MUKAH 2023 MERENTASI STATUS PERKAHWINAN

Merujuk kepada Jadual 12, tidak terdapat perbezaan signifikan ($p > 0.05$) min penilaian perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023 untuk status perkahwinan yang berlainan. Dengan merujuk kepada Jadual 11, didapati min penilaian perkhidmatan dan kemudahan Kaul Mukah 2023 bagi responden-responden bujang, berkahwin, duda/balu, bercerai, berpisah masing-masing adalah 3.98, 3.76, 4.42, 4.22, 3.63.

Jadual 11: Descriptives

mean_kmudahan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Bujang	185	3.98	.75769	.05571	3.8685	4.0883	1.50	5.00
Berkahwin	115	3.76	.93684	.08736	3.5828	3.9290	1.88	5.00
Duda/Balu	8	4.42	.77614	.27441	3.7730	5.0707	2.75	5.00
Bercerai	4	4.22	.75260	.37630	3.0212	5.4163	3.25	4.88
Berpisah	1	3.63	.	.	.	.	3.63	3.63
Total	313	3.91	.83543	.04722	3.8170	4.0028	1.50	5.00

Jadual 12: ANOVA

mean_kmudahan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	6.155	4	1.539	2.240	.065
Within Groups	211.603	308	.687		
Total	217.757	312			

IMPAK KESELURUHAN PESTA KAUL MUKAH 2023

MERENTASI BANGSA

Merujuk kepada Jadual 14, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan merentasi bangsa yang berlainan ($p>0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2023, responden diminta untuk memilih salah satu daripada nombor 1 hingga nombor 5; di mana 1 bermakna sangat tidak bersetuju, 2 bermakna tidak bersetuju, 3 bermakna neutral, 4 bermakna bersetuju dan 5 bermakna sangat bersetuju.

Dengan merujuk kepada Jadual 13, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2023 bagi responden-responden Melanau, Melayu, Iban, Cina, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kedayan masing-masing adalah 3.99, 3.95, 3.96, 4.21, 4.32, 3.99, 4.23, 4.21.

Jadual 13: Descriptives

mean_seluruh

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Melanau	167	3.99	.56153	.04345	3.9138	4.0853	2.35	4.70
Melayu	85	3.95	.41962	.04551	3.8546	4.0357	3.06	4.60
Iban	28	3.96	.51511	.09735	3.7629	4.1624	2.91	4.60
Cina	10	4.21	.46489	.14701	3.8740	4.5391	3.16	4.72
Bidayuh	10	4.32	.30598	.09676	4.1012	4.5390	3.80	4.70
Kenyah	9	3.99	.72029	.24010	3.4324	4.5397	2.38	4.60
Kayan	3	4.23	.17891	.10329	3.7871	4.6760	4.04	4.40
Kedayan	1	4.21	.	.	.	.	4.21	4.21
Total	313	4.00	.51656	.02920	3.9434	4.0583	2.35	4.72

Jadual 14: ANOVA

mean_seluruh

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1.951	7	.279	1.046	.399
Within Groups	81.300	305	.267		
Total	83.251	312			

IMPAK KESELURUHAN PESTA KAUL MUKAH 2023

MERENTASI STATUS PERKAHWINAN

Merujuk kepada Jadual 16, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan antara status perkahwinan yang berlainan ($p>0.05$). Dengan merujuk kepada Jadual 15, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2023 bagi responden-responden bujang, berkahwin, duda/balu, bercerai, berpisah masing-masing adalah 4.00, 3.96, 4.43, 4.30, 4.31.

Jadual 15: Descriptives

mean_seluruh

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Bujang	185	4.00	.46420	.03413	3.9337	4.0684	2.45	4.72
Berkahwin	114	3.96	.60036	.05623	3.8439	4.0667	2.35	4.70
Duda/Balu	8	4.43	.25053	.08858	4.2210	4.6399	3.87	4.60
Bercerai	4	4.30	.27584	.13792	3.8604	4.7383	3.91	4.54
Berpisah	1	4.31	.	.	.	.	4.31	4.31
Total	312	4.00	.51725	.02928	3.9425	4.0578	2.35	4.72

Jadual 16: ANOVA

mean_seluruh

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2.163	4	.541	2.048	.088
Within Groups	81.045	307	.264		
Total	83.208	311			

TABURAN BILANGAN PENGUNJUNG MENGIKUT LOKASI

Pesta Kaul Mukah 2023 ini dikunjungi oleh pengunjung dari pelbagai kawasan. Seramai 134 responden (43%) berasal dari kawasan Mukah diikuti dengan 79 responden (25%) berasal dari Kuching. 11% dari responden iaitu 35 responden tiba dari lain-lain bahagian dalam Sarawak, contohnya Kapit, Kenawit, Limbang, Sarikei, Sri Aman dan sebagainya. 27 orang responden (9%) berasal dari Bintulu diikuti dengan 5% responden dari Miri dan 4% dari Sibu. Selebihnya, sebanyak 8% responden berasal dari luar kawasan Sarawak, iaitu dari Semenanjung Malaysia dan juga Sabah.

Jadual 17: Taburan Bilangan Pengunjung Mengikut Lokasi

LOKASI ASAL	BILANGAN PENGUNJUNG
Mukah	134
Bintulu	27
Sibu	14
Miri	16
Kuching	79
Lain-lain bahagian dalam Sarawak	35
Semenanjung Malaysia/Sabah	8

Rajah 9: Taburan Bilangan Pengunjung Mengikut Lokasi



TABURAN JENIS PENGANGKUTAN UTAMA KE MUKAH/PESTA KAUL MUKAH 2023

Pesta Kaul Mukah 2023 bertempat di Pantai Kaul Kuala Lama Mukah yang terletak kira-kira 3.5km dari Bandar Utama Mukah. Mukah terletak kira-kira 145km dari Bintulu, 325km dari Miri, 157 km dari Sibu dan 563 km dari Kuching. Seramai 191 responden menggunakan kenderaan sendiri iaitu kereta untuk ke Bandar Mukah dan ke Tapak Pesta Kaul, diikuti 64 responden menggunakan kenderaan jenis motosikal. 20 responden menggunakan kereta sewa, dan seramai 17 responden menggunakan kenderaan awam berupa bas untuk ke Bandar Mukah dan juga ke Tapak Pesta Kaul. 8 responden datang ke Bandar Mukah menggunakan kapal terbang, 7 orang responden menggunakan khidmat *e-hailing* , 5 orang responden menggunakan van sapu dan seorang responden datang menggunakan basikal.

Jadual 18: Taburan Jenis Pengangkutan Utama Ke Bandar Mukah/Pesta Kaul Mukah 2023

Pengangkutan	Bilangan
Kenderaan sendiri : kereta	191
Kenderaan sendiri : motosikal	64
Kereta sewa	20
Kenderaan awam : bas	17
Kapal terbang	8
e-hailing	7
Van sapu	5
Basikal	1

Rajah 10: Taburan Jenis Pengangkutan Utama ke Bandar Mukah/ Pesta Kaul Mukah 2023




TABURAN TEMPAT TINGGAL SEMPENA PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan Jadual 19 dan Rajah 11, seramai 188 responden (60%) menginap di rumah sendiri. Ini merupakan responden yang berasal dari kawasan Mukah. Selebihnya merupakan responden yang berasal atau datang dari kawasan luar Mukah. Seramai 48 responden (15%) tinggal di hotel dan chalet, 33 responden (11%) tinggal di rumah saudara mara dan 16 responden (5%) tinggal di rumah kawan. Terdapat juga responden yang tinggal di asrama, rumah rehat dan juga inap desa, masing-masing memegang jumlah seramai 12 responden (4%), 10 responden (3%) dan 6 responden (2%).

Jadual 19: Taburan Tempat Tinggal Sempena Pesta Kaul Mukah 2023

Tempat Tinggal	Bilangan
Rumah sendiri	188
Rumah saudara mara	33
Rumah kawan	16
Rumah rehat	10
Asrama	12
Inap Desa	6
Hotel dan Chalet	48

Rajah 11: Taburan Tempat Tinggal Sempena Pesta Kaul Mukah 2023




Dari sejumlah 48 responden (15%) yang menginap di hotel dan chalet, Kingwood Resort dan Kingwood Hotel merupakan pilihan utama di mana masing-masing terdapat 10 responden yang menginap di hotel-hotel tersebut. Diikuti dengan Highway Inn dan Mukah Inn yang masing-masing mempunyai 6 penginap, Li Hua Hotel 5 penginap dan Oyo Hotel, Royal Inn dan Petanak Beach Resort yang masing-masing mempunyai 3 penginap. Selebihnya seorang penginap masing-masing menginap di King Inn Hotel dan Golden Inn Hotel.

Jadual 20: Taburan Hotel dan Chalet Pengunjung Pesta Kaul 2023

Hotel	Bilangan Orang
Kingwood Resort	10
Kingwood Hotel	10
Highway Inn	6
Mukah Inn	6
Li Hua Hotel	5
Oyo Hotel	3
Royal Inn	3
King Ing Hotel	1
Golden Inn	1
Petanak Beach Chalet	3

Rajah 12: Taburan Hotel dan Chalet Pengunjung Pesta Kaul 2023




BILANGAN HARI TINGGAL SEMPENA PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan Jadual 21, 177 responden daripada keseluruhan 313 responden menetap di Mukah. 127 responden merupakan penduduk tempatan, 36 daripada keseluruhan responden bekerja di Mukah dan seramai 14 responden merupakan pelajar yang menuntut di Mukah. Selebihnya merupakan pengunjung yang bukan menetap secara tetap di Mukah. Seramai 28 responden menetap sehari di Mukah sempena Pesta Kaul Mukah 2023. 24 responden menetap selama 24 hari diikuti dengan 25 responden menetap selama 3 hari. 16 responden menetap selama 4 hari, 17 responden menetap selama 5 hari, 10 responden menetap selama 6 hari dan 15 responden menetap selama seminggu. Hanya 1 responden yang menetap di Mukah selama sebulan.

Jadual 21: Bilangan Hari Tinggal Sempena Pesta Kaul Mukah 2023

Bilangan Hari	Jumlah pengunjung
Penduduk tempatan	127
Bekerja di Mukah	36
Belajar di Mukah	14
Sehari	28
Dua hari	24
Tiga hari	25
Empat hari	16
Lima hari	17
Enam hari	10
Seminggu	15
Sebulan	1

Rajah 13: Bilangan Hari Tinggal Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023




JUMLAH PERBELANJAAN UNTUK PENGINAPAN SEPANJANG PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan Jadual 22 dan Rajah 14 yang menunjukkan taburan tempat tinggal, taburan hotel dan chalet dan bilangan hari penginapan sepanjang 6 hari Pesta Kaul Mukah 2023 diadakan, majoriti responden iaitu seramai 185 responden membelanjakan RM100 dan ke bawah bagi tujuan penginapan. Sejumlah 53 responden pula membelanjakan melebihi RM401 sepanjang penginapan. Selebihnya, seramai 36 responden membelanjakan di antara RM101 sehingga RM200, 27 responden membelanjakan di antara RM201 hingga RM300, dan diikuti dengan 12 responden yang membelanjakan di antara RM301 sehingga RM400 untuk jumlah penginapan sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023 diadakan.

Jadual 22: Jumlah Perbelanjaan Untuk Penginapan Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023

Perbelanjaan Penginapan (RM)	Jumlah pengunjung
Kurang dari RM100	185
RM101 – RM200	36
RM201 – RM300	27
RM301 – RM400	12
Lebih dari RM401	53


Rajah 14: Jumlah Perbelanjaan Untuk Penginapan Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023



TABURAN GERAJ PALING DIGEMARI SEMPENA PESTA KAUL MUKAH 2023

Berdasarkan kajian bagi gerai yang paling digemari di Tapak Kaul Mukah, seramai 43.5% responden setuju mengatakan kesemua gerai yang dibuka adalah gerai yang digemari. Seramai 37.4% responden setuju bahawa gerai paling digemari adalah gerai makanan dan minuman. 36.4% responden menggemari gerai makanan tradisional diikuti oleh 28.4% responden menggemari gerai komuniti. Seterusnya, seramai 25.9% responden gemar akan gerai jualan diikuti oleh gerai pakaian dan gerai jualan kraftangan yang masing-masingnya menerima peratusan kegemaran sebanyak 24.6%. 22% responden gemar akan pameran yang diadakan di booth-booth pameran Kaul, 19.5% tertarik kepada gerai aksesori dan seterusnya 14.1% daripada jumlah responden tertarik dengan gerai jualan bundle.

Rajah 15: Taburan Gerai Paling Digemari Sempena Pesta Kaul Mukah 2023



AKTIVITI/ACARA PENGISIAN PESTA KAUL MUKAH 2023 YANG PALING DIGEMARI

Berdasarkan Rajah 16, pengisian acara dan aktiviti yang paling digemari oleh pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 adalah Pertandingan Teluwaih Jinih. Mengikut kiraan kasar dan anggaran oleh Pembantu Penyelidik, Pertandingan Teluwaih Jinih telah menghimpunkan lebih dari 4000 pengunjung pada malam tersebut. Sukan Rakyat menduduki tempat kedua paling digemari oleh pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023. Acara-acara Sukan Rakyat telah mendapat sambutan lebih dari 200 pengunjung.

Rajah 16: Aktiviti Yang Digemari Pengunjung Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023



MASALAH MENDESAK SEMASA PESTA KAUL MUKAH 2023

Dalam soal selidik ini, responden juga diminta untuk memberikan cadangan dan mengemukakan masalah yang dihadapi semasa Pesta Kaul Mukah 2023. Beberapa responden telah mengisi dan didapati ada beberapa masalah mendesak sepanjang Pesta Kaul Mukah 2023 berlangsung. Berdasarkan Jadual 23, boleh dijadikan rujukan oleh pihak penganjur untuk mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pengunjung dan dapat dijadikan sebagai rujukan untuk menambah baik pengelolaan Pesta Kaul Mukah untuk edisi yang akan datang.

Jadual 23: Masalah Mendesak Semasa Pesta Kaul Mukah 2023

Masalah Mendesak	Bilangan responden
Tiada kemudahan surau atau ruangan solat untuk pengunjung beragama Islam	5
Kurang pameran tradisional	7
Sewa tapak yang mahal	4
Kurang/tiada tempat duduk pengunjung, ruang rehat dan berteduh dari cuaca panas	7
Tiada stesen mengecas telefon dan barang elektronik dan wifi percuma	3
Kurang hebahan awal/ hebahan tidak meluas	13
Kurang/tiada permainan atau sukan tradisional yang boleh disertai oleh pengunjung dan pelancong luar	21
Penyertaan untuk bengkel seraheng/bengkel berkaitan Kaul tidak dibuka banyak	3
Kurang pengudaraan/kipas	3
Pergerakan lalu lintas yang tidak memuaskan/kesesakan lalu lintas/pergerakan tidak lancar	4
Pengurusan pas kemasukan orang awam ke tapak Pesta Kaul yang tidak memuaskan	5
Masalah kebersihan seperti kurang kemudahan tandas, tong sampah dan paip air serta kebersihan gerai makanan tiada pantauan	12
Masalah parkir kereta, tiada “drop point” untuk golongan tua, kanak-kanak, wanita hamil dan tidak mesra OKU	40
Kurang dari segi keselamatan dan kesihatan	4
Gerai kurang pilihan/booth tidak mesra cuaca/gerai makan yang tidak mempunyai banyak pilihan	16

CADANGAN MENINGKATKAN KUALITI PESTA KAUL MUKAH 2023

Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh responden soal selidik adalah termasuk:

- i) Mengekalkan Pesta Kaul Mukah sebagai acara wajib tahunan di Mukah, Sarawak
- ii) Menambah aktiviti seperti sukan dan permainan tradisional serta acara-acara yang boleh diikuti oleh pengunjung dan pelancong secara langsung dan 'walk-in'.
- iii) Menambahbaikan kemudahan parkir kenderaan, kemudahan pengangkutan awam dan e-hailing.
- iv) Menambahkan aktiviti-aktiviti yang lebih mengangkat budaya Melanau serta pengisian mengambilkira asas Pesta Kaul itu sendiri iaitu Kaul Seraheng Kakan.
- v) Mewujudkan galeri tetap yang bertaraf muzium yang dapat mempamerkan barang tradisional dengan keunikan budaya Melanau.
- vi) Meluaskan hebahan dan promosi Pesta Kaul Mukah supaya dapat menarik lebih ramai pelancong dari dalam atau luar negara.
- vii) Menaiktarafkan kemudahan awam semasa Pesta Kaul Mukah, seperti memperbanyakkan tandas dan pili air, menyediakan ruangan solat atau surau bergerak untuk memudahkan pengunjung atau peniaga beragama Islam untuk menunaikan solat, ruangan rehat atau pondok berteduh, kerusi rehat dan infrastruktur telekomunikasi.
- viii) Menjadikan tapak Pesta Kaul Mukah sebagai kawasan yang mesra OKU, warga emas, wanita hamil dan kanak-kanak.
- ix) Menjalankan kajian dan penyelidikan ilmiah yang berkaitan dengan Pesta Kaul Mukah terutama berkenaan kecaknaan pengunjung terhadap makna Kaul dari konteks tradisi, budaya dan adat Melanau.

Saranan dan cadangan-cadangan yang dinyatakan oleh responden yang terdiri daripada pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 di dalam soal selidik ini dapat dijadikan sebagai rujukan pihak pengelola Pesta Kaul Mukah pada masa yang akan datang.

IMPAK TERPENTING PESTA KAUL MUKAH 2023

Dengan merujuk kepada Jadual 24, didapati pada pandangan pengunjung Kaul Mukah 2023, impak terpenting Kaul Mukah 2023 ialah memelihara kebudayaan masyarakat Melanau (284 orang), belajar dan mengetahui kepelbagaian budaya masyarakat Melanau Mukah (283 orang), mengukuhkan semangat kemasyarakatan (278 orang), berasa gembira dan bangga apabila melihat ramai pelancong di Mukah (277 orang) serta menyediakan sistem khas untuk sampah yang terlalu banyak (274 orang).

Jadual 24: Impak Terpenting Kaul Mukah 2023

Impak Terpenting	Bilangan Orang
Memelihara kebudayaan masyarakat Melanau	284
Belajar dan mengetahui kepelbagaian budaya masyarakat Melanau Mukah	283
Mengukuhkan semangat kemasyarakatan	278
Berasa gembira dan bangga apabila melihat ramai pelancong di Mukah	277
Menyediakan sistem khas untuk sampah yang terlalu banyak	274
Meningkatkan bilangan penginap hotel, rumah tumpangan dan inap desa	272
Mewujudkan peluang pekerjaan dalam komuniti setempat	270
Meningkatkan imej Mukah	269
Membangunkan komuniti setempat	267
Berasa selamat	264

ANGGARAN KEUNTUNGAN HARIAN

PENJUAL/PENIAGA GERAI SEMASA PESTA KAUL

MUKAH 2023

Merujuk kepada Jadual 25 dan Rajah 17, daripada sejumlah 85 responden dari kalangan peniaga dan penjual, 18 responden menyatakan keuntungan harian di antara RM 1 hingga RM200. 17 responden pula mendapat keuntungan di antara RM501 sehingga RM1000 manakala seramai 10 responden mampu menjana keuntungan harian melebihi RM3001.

Jadual 25: Anggaran Keuntungan Harian Penjual/Peniaga Gerai Semasa Pesta Kaul Mukah 2023

Keuntungan (RM)	Jumlah Peniaga
RM1 – RM200	18
RM201 – RM300	6
RM301 – RM500	13
RM501 – RM1000	17
RM1001 – RM2000	16
RM2001 – RM3000	5
Lebih dari RM3001	10

Rajah 17: Anggaran Keuntungan Harian Penjual/Peniaga Gerai Semasa Pesta Kaul Mukah 2023



ANGGARAN KERUGIAN HARIAN

PENJUAL/PENIAGA GERAJ SEMASA PESTA KAUL


MUKAH 2023

Merujuk kepada Jadual 26 dan Rajah 18, peniaga Pesta Kaul Mukah juga mengalami kerugian. Daripada 85 responden, 40 peniaga cuma mengalami kerugian kurang daripada RM100 manakala hanya seramai 5 orang peniaga mengalami kerugian lebih dari RM401. Jika dibandingkan antara Jadual 25 dan Jadual 26, Pesta Kaul Mukah 2023 lebih memberikan keuntungan kepada peniaga-peniaga yang terlibat.

Jadual 26: Jumlah Kerugian Hasil Jualan Peniaga Pesta Kaul Mukah 2023

JUMLAH KERUGIAN (RM)	JUMLAH PENIAGA
RM1 – RM100	40
RM101 – RM200	17
RM201 – RM300	15
RM301 – RM400	8
Lebih dari RM401	5

Rajah 18: Kerugian Hasil Jualan Peniaga Pesta Kaul Mukah 2023




SEBAB UTAMA KERUGIAN KEPADA HASIL JUALAN

Berdasarkan Jadual 27 dan Rajah 19, tiga sebab utama yang menyebabkan kerugian kepada para peniaga yang respon kepada soal selidik ini adalah persaingan terhadap produk jualan yang sama iaitu sebanyak 40%, faktor cuaca yang panas menyebabkan pengunjung kurang ke gerai jualan sebanyak 30% dan sewa tapak gerai yang mahal iaitu 25% daripada responden. Sewa tapak gerai yang mahal ini juga dibangkitkan dalam respon masalah terdesak semasa Pesta Kaul Mukah 2023.

Jadual 27: Sebab Utama Kerugian Hasil Jualan Peniaga

SEBAB UTAMA KERUGIAN	JUMLAH PENIAGA
Sewa tapak yang mahal	21
Persaingan terhadap produk yang sama	34
Faktor cuaca (kurang pengunjung)	25
Gerai agak tersorok	3
Lain-lain sebab	1


Rajah 19: Faktor Utama Kerugian Peniaga Pesta Kaul Mukah 2023



HEBAHAN PESTA KAUL MUKAH 2023

Merujuk kepada Rajah 20, pengunjung Pesta Kaul Mukah 2023 lebih mengetahui berkenaan dengan Pesta Kaul Mukah 2023 melalui medium media sosial seperti Facebook (27%), hebahan melalui WhatsApp (23%), Instagram (10%) dan aplikasi TikTok (7%). Manakala hebahan melalui media cetak dan elektronik pula (18%) dan melalui banner dan poster adalah (12%). Media sosial memainkan peranan yang penting dalam menghebahkan maklumat dan infomasi berkenaan dengan Pesta Kaul Mukah 2023. Untuk mengadakan Pesta Kaul Mukah yang akan datang, pihak penganjur boleh meneruskan hebahan yang lebih meluas melalui medium media sosial dan dalam masa yang sama memperbanyakkan hebahan melalui media cetak, elektronik dan juga cetakan poster dan banner.

Rajah 20: Hebahan Pesta Kaul Mukah 2023



GAMBAR-GAMBAR SEMASA PESTA KAUL MUKAH 2023

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



Tiada Semakanya



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL

•2023



26 APRIL 2023 - 01 MEI 2023 | PANTAI KALA DANA, MUKAH

© 2025 Suffina Long, Noor Emma Shamsuddin, Tang Howe Eng, Yahutazi Chik

Diterbitkan oleh:

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah
Universiti Teknologi MARA Sarawak Branch
Mukah Campus
KM 7.5, Jalan Oya
96400 Mukah,
Sarawak

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan digital ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran semula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Judul Kandungan Digital: Laporan Kajian Impak Pesta Kaul 2023 - Tiada Seuniknya


Penulis / Penyusun: SUFFINA LONG, TANG HOWE ENG, NOOR EMMA
SHAMSUDDIN & YAHUTAZI CHIK

Format Kandungan: eLaporan (PDF)

ISBN:

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL 2023 - TIADA SEUNIKNYA

e ISBN 978-629-95678-3-9



KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPIM),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH

(online)